



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YBRS. PUAN Ir HJH ROSNANI BINTI HJ MAHMOD
SETIAUSAHA PERBANDARAN MPSP**

SEMPENA

**“MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH ANUGERAH
SEKOLAH HIJAU 2017
PERINGKAT SEBERANG PERAI
ANJURAN CONTINENTAL AUTOMOTIVE
COMPONENTS (MALAYSIA) SDN. BHD.”**

21 NOVEMBER 2017 (SELASA)

2.30 PETANG

**AUDITORIUM IBU PEJABAT MPSP
BANDAR PERDA
BUKIT MERTAJAM**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Encik Luciano Oliveira

Pengarah Urusan

Continental Automotive Components (Malaysia) Sdn. Bhd.

Yang Berusaha Puan Suhana bt Kassim

Pengurus Besar Sumber Manusia

Continental Automotive Components (Malaysia) Sdn. Bhd.

Ketua – Ketua Jabatan dan Pegawai

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Pegawai-Pegawai dan Kakitangan

Continental Automotive Components (Malaysia) Sdn. Bhd.

Para Guru

**Yang diraikan para pelajar-pelajar yang mengambil bahagian dalam
Program Sekolah Hijau MPSP 2017**

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat petang dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada hari ini di dalam Majlis Penyampaian Hadiah Anugerah Sekolah Hijau 2017 Peringkat Seberang Perai anjuran bersama Continental Automotive Components (Malaysia) Sdn. Bhd.

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih dan sekalung penghargaan kepada Continental Automotive Components (Malaysia) Sdn. Bhd. yang telah sudi memberi sumbangan sebanyak RM 32,800.00 untuk pelaksanaan program Anugerah Sekolah Hijau 2017 Peringkat Seberang Perai tahun ini.

Untuk makluman semua, Continental Automotive Components (Malaysia) Sdn. Bhd. telah bekerjasama dengan MPSP dalam menganjurkan Majlis Anugerah Sekolah Hijau sejak tahun 2010 lagi. MPSP amat berterima kasih kepada Continental Automotive Components (Malaysia) Sdn. Bhd. dan kakitangannya di atas sokongan padu yang berterusan dalam memperkasakan pendidikan dan kesedaran pemuliharaan dan pemulihan alam sekitar di kalangan murid-

murid di sekolah-sekolah di Seberang Perai. Diharap penajaan ini akan diteruskan pada tahun-tahun yang akan datang. Saya juga menyeru agar lebih banyak penaja tampil ke hadapan untuk bersama-sama MPSP dalam menjayakan program-program seumpama ini.

Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

Program Sekolah Hijau merupakan program pengauditan alam sekitar bagi sekolah-sekolah di Negeri Pulau Pinang yang dilancarkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah pada tahun 2010. Di sekolahlah keperibadian dan persepsi manusia dapat dibentuk dan dicorakkan. Program ini, diharapkan dapat membentuk generasi masa hadapan yang menghargai alam sekitar.

Tujuan program ini adalah untuk memberikan pengiktirafan kepada pihak sekolah dalam mengurangkan sisa buangan, penjimatan sumber dan matlamatnya utnuk pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Program Anugerah Sekolah Hijau adalah salah satu Pelan Tindakan Local Action 21 MPSP dalam usaha untuk menggalakkan dan melahirkan sebuah masyarakat dan komuniti setempat yang sihat dan peka terhadap isu-isu alam sekitar untuk diseimbangkan dengan perkembangan ekonomi dan pembangunan sosial.

Visi sekolah hijau adalah “**Penggerak Kelestarian Alam Sekitar**”.

Manakala misinya pula adalah “**Berusaha Berterusan Bersama MPSP Bagi Merealisasikan Amalan 8R iaitu *Rethink, Refuse, Reduce, Reuse, Repair, Re-Gift, Recover and Recycle* Demi Generasi Akan Datang**”. Ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Pulau Pinang *Cleaner, Greener, Safer and Healthier* (Pulau Pinang Lebih Bersih, Hijau, Selamat dan Sihat).

Kumpulan sasaran adalah Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah. Setiap sekolah yang menyertai pertandingan Anugerah Sekolah Hijau 2017 ini akan dinilai berdasarkan beberapa kriteria utama iaitu Kecekapan Sumber Asli, Inovasi dan Kreativiti, Kebersihan dan Penghijauan, Penglibatan Komuniti dan juga Persembahan.

Majlis Pelancaran Anugerah Sekolah Hijau ini dilancarkan pada 16 Februari 2017 dan semua sekolah yang bertanding hendaklah mengemukakan laporan pada atau sebelum 31 Julai 2017. Tarikh penilaian panel adalah dalam bulan September 2017. Daripada 152 sekolah yang mengambil bahagian hanya 51 sekolah telah disenarai pendek untuk penilaian panel.

Secara perbandingan jumlah keseluruhan beratan bahan kitar semula yang dikumpul pada tahun ini telah mencapai 182 tan berbanding dengan 104 tan pada tahun 2016. Syabas dan tahniah

kepada kesemua sekolah terlibat dalam menjayakan program ini ke tahap yang membanggakan.

Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

Program Anugerah Sekolah Hijau telah dilaksanakan dengan jayanya semenjak 2010 sehingga kini dan saban tahun, terdapat peningkatan dalam penyertaan dari sekolah-sekolah dalam program ini. Keseluruhan jumlah sekolah yang menyertai Anugerah Sekolah Hijau ini telah meningkat dari 30 buah sekolah pada 2010 kepada 152 sekolah bagi tahun 2017.

Oleh itu, saya ingin mengesyorkan agar pembaharuan atau penambahbaikan dibuat ke atas Program Anugerah Sekolah Hijau seperti:-

- i. Pertandingan kuiz kualiti air bagi sekolah rendah dan sekolah menengah;
- ii. Latihan penghasilan barang-barangan *upcycle* serta kursus keusahawanan. Pertandingan boleh ditumpukan kepada jenis serta kreativiti barang-barangan *upcycle* yang dihasilkan.

- iii. Sekiranya guru dan pelajar yang berjaya dan cemerlang dalam hasil inovasi dalam bidang kitar semula dan upcycle, maka mereka akan dicalonkan untuk pembentangan hasil inovasi di peringkat antarabangsa.
- iv. Guru-guru dan pelajar-pelajar sekolah dilantik menjadi duta MPSP dalam usaha pengurangan sampah dan mempromosikan aktiviti kitar semula.
- v. Sekolah yang berjaya menjadi johan Anugerah Sekolah Hijau diberikan sumbangan *panel solar*, seiring dengan hasrat Seberang Perai ke arah Bandaraya Rendah Karbon pada tahun 2022.

Selain itu, saya juga ingin mencadangkan agar kesemua 152 sekolah yang mengambil bahagian dalam Pertandingan Anugerah Sekolah Hijau Tahun 2017 diiktiraf sebagai sekolah *zero waste* dan MPSP akan mengeluarkan surat atau sijil penghargaan kepada sekolah-sekolah tersebut. Saya juga berharap agar pada tahun 2018, kita boleh berkerjasama dengan semua sekolah di Seberang Perai untuk membuat penanaman pokok serentak sempena Bulan Kemerdekaan Tahun 2018. Bilangan pokok akan ditentukan kemudian dan MPSP akan berbincang dengan lebih lanjut lagi bersama-sama Jabatan Pendidikan Negeri.

Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

Saya mengucapkan sekalung tahniah dan syabas kepada sekolah-sekolah yang telah berjaya menjadi Johan dalam pertandingan Anugerah Sekolah Hijau 2017 yang akan diumumkan sebentar lagi. Bagi yang tidak berjaya, jangan putus asa, walaupun tidak berjaya untuk menjadi Johan tetapi sebenarnya anda semua telah Berjaya menunjukkan komitmen yang tinggi serta melaksanakan ciri-ciri amalan hijau dengan cemerlang ke arah perubahan alam sekitar yang positif. Saya berharap ianya dapat memberi inspirasi kepada semua untuk menjadikan Seberang Perai sebuah Bandaraya Rendah Karbon dan Bandaraya Pintar menjelang tahun 2022.

Sebagai mengakhiri kata-kata, dengan lafaz BISMILLAH saya dengan ini merasmikan Majlis Penyampaian Hadiah Anugerah Sekolah Hijau 2017.

Sekian, terima kasih.

*Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.*